



## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

BIL.	PTJ	KETERANGAN ASET	NO. PLAT.	HARGA JUALAN (RM)	DEPOSIT 5% (RM)	NOMBOR SEBUTHARGA
1	CIDB NEGERI JOHOR	NISSAN X-TRAIL 2.0	WWL 5547	RM 4,500.00	RM225.00	ASET/PK/SH/2024/02

2. Aset boleh dilihat pada tetapan berikut :

**Pejabat CIDB Negeri Johor**

Tarikh : 5 Februari 2025  
Masa : 10.00 Pagi – 1.00 Tengah Hari  
Tempat : Tempat Letak Kereta  
Pegawai Bertugas : Ikmal Hakim Bin Jamil  
Siti Mahani Binti Mohamad Yusof

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan di tanda Nombor Sebut Harga dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

**PEJABAT CIDB NEGERI JOHOR**

Lot 2067, Batu 3,  
Jalan Tampoi,  
81200 Johor Bahru,  
Johor.

5. Tarikh tutup sebutharga pada **10 Februari 2025 jam 12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

*FAZILAH BT MUSTAFA*

**FAZILAH BT MUSTAFA**  
Unit Pengurusan Fasiliti  
Sektor Dasar & Korporat  
Tarikh :

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA**

1. Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
2. CIDB adalah tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
3. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan tersebut seperti kos mengangkut, caj pertukaran hak milik dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
4. Penyebutharga yang berjaya hendaklah :
  - a. Membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemakluman pembayaran. Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan harga tawaran. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
  - b. Mengambil kenderaan selepas selesai pemeriksaan puspakom dan pertukaran nama di JPJ dalam tempoh tujuh (7) hari. Sekiranya gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan CIDB berhak untuk mengeluarkan dan melupuskan kenderaan tersebut dari premis.
5. Walaubagaimanapun, Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28) tersebut hanya akan diserahkan kepada penyebutharga yang **telah menjelaskan deposit** dengan terma berikut :
  - a. Pembayaran deposit adalah sebanyak **5% daripada Harga Jualan** bagi setiap unit kenderaan (Rujuk jadual yang dinyatakan).
  - b. Bayaran deposit hendaklah dibuat secara **Kad Debit/ Online Transfer /Bank Draf / Banker's Cheque** atas nama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kepada **Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat 15, CIDB 520, The MET Corporate Towers, No 20 Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur**.
  - c. Penyebutharga perlu **mengemukakan resit pembayaran sebagai bukti** bagi mendapatkan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28).
  - d. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga adalah tidak akan dipertimbangkan.
  - e. Deposit sebutharga bagi penyebutharga yang berjaya akan diselaraskan dengan harga keseluruhan kenderaan yang telah ditawarkan.
  - f. Jika penyebutharga enggan meneruskan pembelian kenderaan selepas keputusan Jawatankuasa Sebutharga Pelupusan Kenderaan CIDB dibuat atau menarik balik sebutharganya sebelum keputusan dibuat, deposit tidak akan dikembalikan.
  - g. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebutharga diperoleh dan penyebutharga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan aset tersebut.
6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila email kepada [aset@cidb.gov.my](mailto:aset@cidb.gov.my).